

Headline	POKOK CIKU BOLEH CAPAI 20 METER		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	28 Mar 2017	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	179,231
Page No	8	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	232 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,104
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,312



# POKOK CIKU BOLEH CAPAI 20 METER

## SEKILAS

**Pokok** ciku berasal dari kawasan tengah Amerika dan Mexico. Ia ditanam hampir di semua negara di kawasan tropika seperti India, Afrika, kepulauan India, Filipina dan Malaysia.

Di Malaysia tumbuhan ini banyak didapati di Terengganu, Pahang, Perak, Johor dan Melaka. Ia sejenis pokok yang tidak bermusim, berbunga dan berbuah sepanjang tahun.

Ciku ditanam menggunakan biji benih, kaedah tut dan cantuman. Pokok yang ditanam melalui kaedah tut lebih cepat mengeluarkan buah

iaitu antara tiga hingga empat tahun.

Pokoknya sederhana tinggi dan boleh mencapai ketinggian sehingga 20 meter jika hidup di dalam hutan. Mempunyai cabang yang rendah, rendang dan tumbesaran yang perlahan.

Batang ciku mempunyai kulit yang kasar berwarna kehitam-hitaman hingga coklat. Hampir keseluruhan bahagian pokok mempunyai getah berwarna putih.

Daunnya sejenis daun ringkas, tebal dan berwarna hijau tua. Daunnya tersusun berselang seli secara berpusar di hujung ranting dengan panjang daun antara 3.5 hingga 15 sentimeter

(sm) dan lebarnya ialah 1.5 hingga 7 sm.

Bunga ciku bersaiz kecil, keluar daripada aksil daun di hujung ranting. Bunganya mempunyai enam kelopak berwarna putih berukuran 1 hingga 5 sm.

Bunganya berbau wangi pada waktu malam dan kembang pada waktu pagi dengan kelopak tidak terbuka semuanya.

Buah ciku pula berbeza mengikut klon iaitu bulat hingga lonjong dan berwarna coklat keperangan. Kulit buahnya nipis, bersisik-sisik kasar, kesat dan mudah mengelupas atau tanggal.

Panjang buah ialah 5 hingga 10sm dan lebarnya

3 hingga 8sm. Setiap buah mengandungi satu hingga enam biji berwarna hitam berkilat namun kebanyakan kurang daripada enam biji.

Buah yang masak dimakan segar dan dibuat minuman atau jus. Biasanya pokok ini ditanam bagi tujuan penghasilan buahnya dan berpotensi untuk dikomersialkan.

Bahagian yang boleh digunakan dalam perubatan tradisional ialah buah, daun, akar, kulit batang dan getah.

Headline	POKOK CIKU BOLEH CAPAI 20 METER		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	28 Mar 2017	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	179,231
Page No	8	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	232 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,104
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,312



**Sumber: Institut  
Penyelidikan Perhutanan  
Malaysia (FRIM)**